Najib kongsi surat pembatalan ECRL ditandatangan Guan Eng

um- 28/1/2019 m/s: 3

KUALA LUMPUR 28 Jan. – Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak secara sinis menyindir Menteri Kewangan, Lim Guan Eng berhubung kenyataannya sebelum ini berhubung kontrak dengan China Communication Construction Company Ltd. (CCCC) bagi projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL).

Menerusi hantaran dalam akaun Facebook miliknya, Najib berkongsi sekeping surat pembatalan ECRL dan mempersoalkan tandatangan Guan Eng di surat bertarikh 18 Januari tahun ini.

"Tak payah menteri-menteri Pakatan Harapan (PH) termasuk Menteri Kewayangan berpusing-pusing.

"Sekejap kata dah batal, sekejap kata belum batal. Sekejap kata tak pasti sudah batal atau tidak," tulisnya.

> Tak payah menteri-menteri Pakatan Harapan (PH) termasuk Menteri Kewayangan berpusing-pusing. Sekejap kata dah batal, sekejap kata belum batal. Sekejap kata tak pasti sudah batal atau tidak."
>
> **NAJIB TUN RAZAK**

Tambahnya, Guan Eng sepatutnya mengakui sekiranya projek tersebut dibatalkan secara rasmi.

"Yang tandatangan surat pembatalan bertarikh 10 hari dahulu ini siapa? Kalau ECRL telah dibatalkan secara rasmi dan surat pembatalan sudah keluar, mengaku saja lah.

"#MaluApaBossku atau pun yang dimaksudkan telah dibatalkan ialah projek ECRL Hong Kong?," katanya lagi.

Sebelum ini Guan Eng memberitahu, beliau terkejut dengan kenyataan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berhubung pembatalan projek ECRL yang diterajui CCCC.

Namun semalam, Guan Eng berkata kenyataan rasmi mengenai status kontrak antara kerajaan dengan CCCC bagi projek ECRL hanya akan dibuat secara bertulis minggu depan memandangkan membabitkan sebuah projek mega selain seperti diputuskan Kabinet sebelum ini.



MENTERI KEWANGAN MALAYSIA

MOF.GIC(S)600-43/3/21( )

18 Januari 2019

YBhg. Dato' Seri Darwis Abdul Razak
Ketua Pegawai Eksekutif
Malaysia Rail Link Sdn Bhd
Level 15, Menara 1 Dutamas, Solaris Dutamas
No.1 Jalan Dutamas 1
50480 KUALA LUMPUR

YBhg. Dato' Seri,

PEMBATALAN PROJEK LALUAN REL PANTAI TIMUR (PROJEK ECRL)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara yang di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan telah memutuskan untuk membatalkan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) berkuatkuasa serta-merta. Sehubungan itu, pihak YBhg. Dato' Seri diminta untuk memaklumkan keputusan Kerajaan berkenaan kepada Kontraktor Utama Projek ini iaitu China Communications Construction Company Limited (CCCC) dan China Communications Construction Company (M) Sdn Bhd serta pembiaya projek iaitu EXIM Bank China dan institusi pembiayaan lain yang terlibat.

3. Dipohon kerjasama YBhg. Dato' Seri juga untuk melaksanakan tindakan sewajarnya bagi memastikan proses pembatalan ini dapat dilaksanakan dengan segera, kemas dan teratur bagi memastikan kepentingan Kerajaan terpelihara.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,

(LIM GUAN ENG)

SURAT yang dipercayai dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan berhubung pembatalan kontraktor projek ECRL.